



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI  
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

**LAMPIRAN 1**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- (1) Jawatan : **JURUFOTOGRAFI GRED SETARA 19  
(1 Jawatan)**
- (1.2) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (b) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;  
  
atau  
  
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (*Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- (c) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan
- (d) Lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh LADA.

***(Bagi pengisian di Unit Komunikasi Korporat keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Seni Reka dan Seni Grafik)***

(1.3) Taraf Jawatan : ***Contract For Service***

- (2) Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan-perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

(3) Panduan/Cara Memohon

3.1 Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat [www.lada.gov.my](http://www.lada.gov.my). Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil atau salinan keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang diisyaratkan dan sekeping gambar

terbaru berukuran pasport, sijil kelahiran, surat berhenti sekolah dan lain-lain dokumen yang berkaitan serta disahkan.

- 3.2 Setiap permohonan mestilah ditulis (**NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Langkawi

Tingkat 3, Kompleks LADA

Jalan Persiaran Putra

07000 Kuah, Langkawi

**KEDAH DARUL AMAN**

(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

- (4) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (5) Permohonan yang ditolak
- 5.1 Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
  - 5.2 Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
  - 5.3 Tidak lengkap dan tidak terang;
  - 5.4 Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - 5.5 Tidak menandatangani borang permohonan; dan
  - 5.6 Mengemukakan maklumat palsu.

- (7) Tarikh tutup permohonan ialah pada **12 Mac 2019**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.